

Headline	UiTM tawar diploma, ijazah sains halal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	32	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	255 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,382
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,146



# UiTM tawar diploma, ijazah sains halal

**K**UALA LUMPUR: Tidak hanya pihak berkuasa dan swasta yang bertungkus lumus memartabatkan industri halal, kini institusi pengajian tinggi (IPT) turut menjalin usaha sama dengan memperkenalkan kursus pengajian khas berkaitan bidang berkenaan.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi IPT pertama di Malaysia memperkenalkan kursus itu di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dengan pengambilan pertamanya dijangka bermula pada September 2013.

Mengulas mengenainya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, langkah UiTM memperkenalkan kursus dikenali sebagai Pengurusan dan Sains Halal itu

secara tidak langsung mengembangkan lagi industri halal dalam negara.

"Jika sebelum ini, Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sering menggembleng tenaga, kini UiTM pula memainkan peranan menyokong dan membantu mengembangkan industri halal di Malaysia.

"Ia satu usaha yang bagus apabila kita dapat melatih graduan menjadi pegawai halal bertauliah dan mahir sekali gus keperluan modal insan bagi industri ini sentiasa kukuh.

"Inilah penghubung utama kepada industri kita," katanya selepas melancarkan Persidangan Antarabangsa Halal 2012 anjuran Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (Citu), UiTM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UiTM, Datuk Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif HDC, Datuk Seri Jamil Bidin dan Pengarah Citu UiTM, Prof Madya Dr Muhammad Rahimi Osman.

Seramai 30 pelajar akan diambil sebagai kumpulan pelajar pertama Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dan Sains Halal dan mengikuti pengajian di UiTM Shah Alam.

Dalam ucapannya, Jamil Khir berkata, industri halal semakin kompetitif kerana banyak negara luar dan negara bukan Islam termasuk Amerika Syarikat, Eropah dan Jerman mula memasuki pasaran secara serius.



SIMBOLIK...Jamil Khir (dua dari kiri) melakukan gimik perasmian program sambil diperhatikan Sahol (tiga dari kiri).